



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA**  
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 Mac 2022**  
**4 Syaban 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Covid-19 : Ketam nipah jadi rebutan
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (Kuching)	•
The Sun	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	<input checked="" type="checkbox"/>	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		31 7/3/2022

um m/s 31 7/3/2022

## Covid-19: Ketam nipah jadi rebutan

**PASIR PUTEH:** Ketam nipah yang dijual oleh peniaga di sekitar Kuala Semerak di sini mendapat permintaan tinggi meskipun harganya melonjak daripada RM35 kepada RM100 sekilogram sejak Covid-19 melanda negara.

Ia berikutan ramai yang mencari ketam nipah untuk dibuat sup selepas didakwa boleh dijadikan sebagai makanan tambahan bagi menyuatkan keimunan pesakit yang dijangkiti Covid-19 tahap satu dan dua.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga ketam nipah, Izman Fikri Mohamad, 21, berkata, sebelum negara dilanda musim Covid-19, harga ketam nipah yang ditangkap dari kawasan paya bakau tempatan dijual RM35 sekilogram.

Menurutnya, disebabkan permintaan tinggi, harganya kini boleh mencecah RM50 sekilogram malah ia mampu dijual RM100 sekilogram sekiranya ketam nipah gred A.

"Bekalan ketam nipah sukar diperoleh ketika ini sehingga kami terpaksa membelinya dari kawasan Pangkalan

Gelap, Setiu di Terengganu selain bekalan dari beberapa lokasi di Johor.

"Bekalan 200 kilogram ketam nipah habis dijual hanya dalam tempoh tiga hari. Peningkatan harga ketam berlaku apabila permintaan tinggi, namun kurang bekalan ditambah pula dengan kos pengangkutan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Izman memberitahu, dia menjual ketam nipah mengikut saiz iaitu saiz kecil berharga RM50 sekilogram, saiz pertengahan (RM65 hingga RM80) dan saiz besar atau gred A (RM100) hanya untuk dua hingga tiga ekor.

Menurutnya, peniaga di Kuala Semerak telah bersepakat untuk menyeragamkan harga jualan ketam nipah kerana mereka sudah mendapat bekalan daripada pembekal pada harga yang mahal.

Seorang lagi peniaga, Ismail Mamat, 45, berkata, dia tidak pasti sama ada ketam nipah mampu meningkatkan keimunan atau tidak, namun mengakui permintaan terhadap hidupan itu memang meningkat ketika ini.



IZMAN Fikri Mohamad menunjukkan ketam nipah gred A yang dijual pada harga RM100 sekilogram di gerainya di Kuala Semerak, Pasir Puteh. - UTUSAN/TOREK SULONG